

BERITA HARIAN

DATE: 08 / 03 / 2007

Minat belajar cara Malaysia

BH - 8/3/2007

Pemimpin negara Afrika anggap model pembangunan kita paling ideal



Oleh Azmi Md Deros,
Abdul Halim Yusof
dan Zainab Mohd Yatim

LANGKAWI: Peserta Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) sepakat dialog itu memberi impak besar kepada mereka untuk menimba pengalaman daripada kejayaan dan kemakmuran ekonomi Malaysia bagi dilaksanakan di negara masing-masing.

Mereka juga menganggap LID sebagai medan paling berjaya untuk mengumpulkan semua tokoh penting kerajaan dan industri daripada pelbagai negara untuk bertukar idea dan pengalaman melaksanakan pelan pembangunan di negara masing-masing.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tanzania, Basil P Mramba, berkata dialog itu membuka mata peserta masih banyak yang boleh dipelajari daripada Malaysia, bukan hanya dalam aspek perkongsian pintar pada peringkat antarabangsa tetapi juga pada peringkat nasional, iaitu antara sektor awam dan swasta.

Sehubungan itu, beliau berkata, dialog yang diadakan dalam suasana separa formal perlu diteruskan pada masa depan supaya Malaysia dapat memainkan peranan sebagai penyulu-

luh kepada negara sedang membangun lain menongkah arus pembangunan mereka.

"Proses pembelajaran dan pelaksanaan bukanlah dapat disempurnakan dalam masa singkat. Ia memerlukan pemantauan berterusan dan perbincangan seperti LID dalam tempoh dua tahun sekali banyak membantu," katanya ditemui pada akhir sesi forum pada hari ketiga LID 2007 di sini, semalam.


Mramba berkata, tema dialog mengenai penghapusan kemiskinan menerusi pembinaan keupayaan sangat bersesuaian dengan keadaan yang dihadapi negara peserta.

Sejak diperkenalkan pada 1995, Malaysia sudah lapan kali menjadi tuan rumah LID, bertujuan mewujudkan perkongsian pintar antara negara membangun di Selatan. Selain 1995, Malaysia menjadi tuan rumah pada 1996, 1997, 1999, 2000, 2002 dan 2004.

LID 2007 menarik penyertaan 500 peserta dari 40 negara, sebahagian besarnya daripada negara di Afrika. Buat kali pertama, tiga negara Asean iaitu Thailand, Laos dan Kemboja turut mengambil bahagian.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Zimbabwe, Christ Katsande, berkata negara itu mendapat manfaat besar daripada LID terutama peluang belajar daripada Malaysia dengan merumus dasar wawasan pembangunan jangka panjang seperti Wawasan 2020.

Katanya, Wawasan 2020 yang mana Malaysia mensasarkan menjadi negara maju mencetuskan inspirasi kepada negaranya untuk turut mem-



KONGSI IDEA: Abdullah bertukar pandangan dengan Perdana Menteri St Vincent and the Grenadines, Dr Ralph Gonzalez (kiri) dan Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili ketika jamuan tengah hari, semalam.

punyai wawasan sama.

"Inilah peringkat yang paling kritikal kerana kita perlukan idea pembentukan wawasan sebegini untuk kami mula bergerak mencapai sasaran yang diinginkan.

"LID bukan hanya mendedahkan mengenai falsafah perkongsian pintar tetapi juga mekanisme pelaksanaan perkongsian pintar seperti yang dilakukan pemimpin Malaysia untuk mewujudkan perpaduan dan kestabilan dalam sebuah negara berbilang kaum," katanya.

“ LID perlu diteruskan supaya Malaysia dapat memainkan peranan sebagai penyuluh negara sedang membangun

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Beliau berkata, perbincangan mengenai langkah menghapuskan kemiskinan menerusi pembinaan keupayaan adalah isu kritikal yang perlu ditangani segera di kalangan negara sedang membangun.

"Dialog ini juga membuka ruang kepada kami untuk meningkatkan hubungan kerjasama teknikal dalam pelbagai bidang utama seperti sains dan teknologi, aplikasi bioteknologi dan teknologi, komunikasi, maklumat (ICT) dengan Malaysia yang sudah lama menguasainya," katanya.